



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

**PENGHANTARAN PULANG ANAK *Giant Panda* MALAYSIA KE  
REPUBLIK RAKYAT CHINA**

**29 OGOS 2023**

---

1. Saya telah menyempurnakan Majlis Penghantaran Pulang Anak *Giant Panda* kedua dan ketiga bernama Yi Yi dan Sheng Yi ke Republik Rakyat China (RRC) pada hari ini bertempat Pusat Konservasi Giant Panda (PKGP), Zoo Negara. Majlis turut dihadiri oleh TYT Ouyang Yujing, Duta Besar RRC ke Malaysia dan Dato' Sr. Zaharin bin Md. Arif, Presiden Malaysian Zoological Society (Mzs).
2. Penghantaran pulang Yi Yi dan Sheng Yi dilaksanakan sebagai mematuhi Perjanjian Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* yang ditandatangani antara kedua-dua pihak pada tahun 2012 sempena sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan RRC.
3. Yi Yi yang kini berumur 5 tahun sepatutnya dihantar pulang pada tahun 2020. Namun penghantaran pulang terpaksa ditangguhkan susulan penularan pandemik COVID-19. Memandangkan Sheng Yi juga telah mencecah usia 24 bulan pada Mei lalu, *China Wildlife Conservation Association* (CWCA) telah bersetuju dengan cadangan Malaysia untuk menghantar kedua-dua anak *Giant Panda* ini

bersekali. Penghantaran pulang anak Giant Panda ini juga adalah bagi tujuan konservasi *Giant Panda* untuk membolehkan ia bergaul dan membiak dengan *Giant Panda* yang lain.

4. Yi Yi yang bermaksud persahabatan, dan Sheng Yi yang bermaksud keamanan dan persahabatan menjadi nama pilihan bagi kedua-dua anak Giant Panda daripada pasangan Fu Wa dan Feng Yi yang tiba di Malaysia pada 21 Mei 2014. Nama-nama ini memberikan maksud yang signifikan dalam mengukuhkan ikatan antara Malaysia dan PRC.
5. Satu penilaian bersama akan diadakan dengan CWCA pada tahun ini bagi menilai pencapaian Perjanjian Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* dalam aspek tahap kesihatan; pembiakan; pendidikan dan kesedaran awam; penyelidikan; dan hubungan dua hala.
6. Saya berharap *Giant Panda* yang merupakan utusan khas daripada RRC dapat menggalakkan lagi persefahaman dan kerjasama erat di antara kedua-dua negara.

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM  
29 OGOS 2023**